

28 AUG 1997

## PM UMUM TINDAKAN UTK SEKAT PEMBABIT MANIPULASI JATUHKAN PASARAN SAHAM

KUALA LUMPUR, 28 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir hari ini mengumumkan beberapa langkah, termasuk menyekat pemberian pinjaman sekuriti, untuk mengelakkan dana-dana asing daripada menjatuhkan pasaran saham tempatan melalui jualan singkat bersifat manipulatif.

Perdana Menteri memberitahu para editor media tempatan di sini bahawa beliau mempunyai bukti bahawa dana-dana asing, termasuk yang diutuskan oleh pemodal Amerika George Soros, telah mengubah perhatian mereka daripada tukaran wang asing kepada pasaran ekuiti di Malaysia.

Sementara itu, institusi-institusi tempatan seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Kumpulan Wang Amanah Pencen dan Permodalan Nasional Berhad, dan juga pelabur-pelabur swasta "yang sanggup menyertai kerajaan" telah diminta membeli secara cergas di Bursa Saham Kuala Lumpur.

"Tidak ada sekatan" kepada pembelian berbilion-bilion ringgit akan dipertanggung jawabkan di dalam urusan ini jika perlu, tambahnya semasa taklimat 90 minit itu.

Dr Mahathir yang kelihatan muram memberi amaran bahawa kerajaan akan mengambil tindakan keras terhadap sesiapa yang didapati melakukan apa sahaja terhadap kepentingan negara.

Tindakan-tindakan berkenaan, di samping peraturan serahan sebelum jualan yang menguasai 100 saham yang membentuk tanda aras Indeks Komposit yang berkuat kuasa pagi ini, dijangka mempunyai kesan besar-besaran terhadap pembabit manipulasi.

Perdana Menteri berkata beliau menerima adanya pasaran terbuka dan juga penyertaan asing dalam pasaran. "Saya malahan terima spekulasi dalam pasaran saham tetapi saya tidak akan terima manipulasi pasaran," tambahnya.

Beliau menyifatkan manipulasi dana asing yang besar itu yang tahu mereka boleh mempengaruhi arah tuju pasaran dan apa akibat tindakan mereka di pasaran adalah seperti urus niaga dalaman, sambil berkata bahawa urus niaga dalaman mengambil kesempatan daripada maklumat awal daripada dalam manakala manipulasi dilakukan dari luar.

Katanya dana-dana itu telah mengambil kesempatan daripada persekitaran pasaran yang liberal di Malaysia untuk meminjam skrip daripada bank-bank dan institusi-institusi lain di negara ini untuk menjual singkat dan menurunkan pasaran untuk membuat keuntungan.

Skrip yang sama boleh digunakan dengan berulang-ulang bagi tujuan ini dan "ini boleh berterusan tanpa penamat," kata Dr Mahathir, sambil menambah bahawa di dalam proses itu mereka terus menekan saham dan memburukkan keadaan.

Hari ini, CI menjunam 35.74 mata kepada 812.18 di bawah tekanan jualan berterusan.

Dr Mahathir berkata keadaan telah sampai ke satu tahap di mana terdapat pertentangan antara pasaran saham dan keuntungan syarikat-syarikat yang sahamnya disenaraikan di BSKL, sambil menyebut contoh kejatuhan harga saham Malayan Banking Bhd walaupun pengumuman keuntungan rekod terbaik RM2.2 bilion oleh kumpulan perbankan terbesar negara itu.

Beliau menambah kata sementara peraturan "serahan sebelum jualan" yang diumumkan semalam mungkin mengakibatkan harga saham jatuh, keputusan yang sama mungkin di dalam dua minggu atau kurang jika tindakan tidak diambil.

Katanya sementara tindakan yang sedang diambil mungkin "membuatkan sesetengah orang tidak gembira dengan kita, kita akan pastikan ia berjaya."

"Kita tidak akan membenarkan orang-orang ini memanipulasi ekonomi kita

seolah-oleh mereka ada hak untuk mendapat faedah percuma daripada kita," tambah beliau.

Dr Mahathir berkata tindakna kerajaan adalah wajar kerana apabila sesuatu yang sah disalah gunakan, adalah menjadi tanggung jawab kerajaan menjadikannya tidak sah. "Pendapat saya ialah bahawa manipulasi tahap itu mesti dijadikan tidak sah."

Beliau menyebut sebagai contoh penguat kuasa undang-undang anti-amanah di Amerika Syarikat selepas kerajaan sedar terhadap monopoli yang tidak sihat yang dipergunakan oleh amanah minyak Rockefeller, perubahan di dalam peraturan oleh Bursa Saham London selepas "serangan pajar" ke atas saham-saham Guthrie dan perubahan peraturan saat akhir oleh Bursa Logam London untuk menyelamatkan peniaga-peniaga yang telah menjual singkat timah tetapi tidak dapat menyerahkan apabila kontrak-kontrak itu matang.

Katanya bahawa di dalam negeri, Malaysia menjadikan tidak sah untuk terbabit dalam manipulasi seumpamanya dan di peringkat antarabangsa ia akan bercakap untuk memberitahu dunia kenapa ia harus dijadikan tidak sah.

Beliau juga menyeru para pelabur Malaysia memasuki pasaran dan menghidupkan semula pasaran saham.

Tambahnya bahawa harga kini amat menarik sehingga saham-saham tempatan akan merupakan pelaburan yang baik, cuma untuk pulangan dividen walaupun perolehan modal terlepas daripada perhatian. -- BERNAMA

LKC OS/sia